



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



**SIGNIFIKASI PRINSIP HIDUP MERUJUK KETERKAITAN
AGAMA, BUDAYA, AMALAN KEPERCAYAAN DAN
WAWASAN DUNIA SECARA KESELURUHAN (*WORLDVIEW*):
MOTIF EKSPATRIASI AHLI AKADEMIK ISLAM DALAM
MEMBINA KERJAYA DI MALAYSIA**

*SIGNIFICANCE OF LIFE PRINCIPLES WITH REFERENCE TO RELIGIONS,
CULTURE, THE PRACTICE OF FAITH AND VISION OF THE WORLD AS A
WHOLE (*WORLDVIEW*): THE MOTIVE OF MUSLIM ACADEMICS IN
BUILDING UP A CAREER IN MALAYSIA*

Irma Wani Othman^{1*}, Romzi Ationg^{2*}, Mohd Sohaimi Esa^{3*}, Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin^{4*}
& Abang Mohd Razif Abang Muis^{5*}

¹ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: irma@ums.edu.my

² Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: mrationg@ums.edu.my

³ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: msohaimi@ums.edu.my

⁴ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: mnhidayath_h@ums.edu.my

⁵ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: amrazif@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.01.2021

Revised date: 15.02.2021

Accepted date: 15.03.2021

Published date: 30.04.2021

Abstrak:

Dunia Islam dan signifikansi kerjaya terhadap ahli akademik ekspatriat Muslim mempunyai kesalinghubungan dengan kepercayaan hidup individu untuk menyumbang kepada masyarakat dan agama itu sendiri. Sebagai sebuah negara yang mengiktiraf Islam sebagai agama rasmi Malaysia mempunyai keunikan tersendiri apabila meletakkan penekanan dengan menawarkan program-program pengajian berteraskan konsep keislaman yang berpandukan Al-Quran dan Sunnah. Elemen menghidupkan konsep pembelajaran secara Islam berjaya menarik komuniti ahli akademik ekspatriat Muslim untuk datang bekerja ke Malaysia. Justeru itu kajian ini direka untuk mengenalpasti motif yang dipertimbangkan oleh kelompok ekspatriat Islam apabila memilih destinasi

To cite this document:

Othman, I. W., Ationg, R., Esa, M. S., Hajimin, M. N. H. H., & Muis, A. M. R. A. (2021). Signifikansi Prinsip Hidup Merujuk Keterkaitan Agama, Budaya, Amalan Kepercayaan dan Wawasan Dunia Secara Keseluruhan (*Worldview*): Motif Ekspatriasi Ahli Akademik Islam dalam Membina Kerjaya di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (23), 85-103.

DOI: 10.35631/IJLGC.623006.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



kerjaya di universiti awam Malaysia. Pendekatan kualitatif yang mengutilasikan temu bual mendalam dilakukan ke atas 30 orang ekspatriat Islam yang bertugas di empat universiti awam terpilih negara ini. Dengan mengaplikasikan analisis tematik, hasil dapatan kajian mendapati tiga motif utama yang menjadi pemangkin kedatangan ahli akademik ekspatriat Muslim ke universiti awam Malaysia adalah 1) Prinsip hidup bertunjangkan Islam sebagai agama kepercayaan; 2) Kecenderungan keluarga berada dalam kehidupan majoriti masyarakat Islam dan 3) Kerjaya dalam konteks keistimewaan penawaran konsep program pengajian Islam di universiti awam Malaysia. Penemuan dapatan kajian ini bermanfaat bagi merangka dasar pengantarabangsaan yang berlatarbelakang agama sebagai prinsip pembangunan kerjaya. Hala tuju kajian ini boleh disebarluaskan kepada penumpuan ke atas governan dan polisi universiti bertunjangkan pendidikan tinggi Islam. Kesalinghubungan majoriti masyarakat Malaysia yang beragama Islam mewajarkan universiti awam negara merancang secara strategik dan bersifat kompetitif dalam memastikan pengajian Islam sebagai salah satu komponen yang termaktub dalam agenda pendidikan tinggi negara.

Kata Kunci:

Pegangan Hidup; Agama Islam; Budaya dan Amalan Kepercayaan; Wawasan Dunia Secara Keseluruhan; Kerjaya Ahli Akademik

Abstract:

The Islamic world and the significance of careers to Muslim expatriate academics have a correlation with the individual's living beliefs to contribute to society and the religion itself. As a country that recognises Islam as the official religion, Malaysia has its own uniqueness when it places emphasis by offering study programmes based on the concept of Islam according to Quran and Sunnah. The element of reviving the concept of Islamic learning succeeded in attracting a community of Muslim expatriate academics to come and work in Malaysia. Therefore, this study is designed to identify the motives considered by Muslim expatriate groups when choosing a career destination in Malaysian Public Universities. A qualitative approach that utilises in-depth interviews was conducted on 30 Muslim expatriates working in four selected public universities in the country. By applying thematic analysis, the results of the study found that the three main motives that catalyses the arrival of Muslim expatriate academics to Malaysian Public Universities are 1) The principle of life based on Islam as a religion of faith; 2) The tendency of the family is in the life of the majority of the Muslim community and 3) Career in the context of the privilege of offering the concept of Islamic studies programmes in Malaysian Public Universities. The findings of this study are useful for formulating an internationalisation policy with a religious background as a principle of career development. The direction of this study can be extended to focus on university governance and policy based on Islamic higher education. The interconnectedness of the majority Malaysians who are Muslim justifies the country's public universities to plan strategically and be competitive in ensuring Islamic studies as one of the components enshrined in the national higher education agenda.

Keywords:

Principle of Life, Religion of Islam, Culture and Practice of Beliefs, Worldview, Academic Career

Pengenalan

Dasar pengantarabangsaan pengajian tinggi di seluruh dunia telah memberi ruang yang luas bagi golongan akademik ekspatriat melebarkan sayap mereka ke serata pelusuk dunia disebabkan oleh keperluan terhadap kepakaran bidang akademik mereka (Irma Wani, O., Mohd Kamal, M. S., Muhammad Safuan, Y., Norazah, M. S., Hasbullah, A. & Herlina, J. (2017). Dalam konteks pengurusan ekspatriat berdikari, pentakrifan ekspatriat merujuk kepada individu yang berpakaran dalam bidang ilmu tertentu berhijrah ke negara lain, dengan status bukan warga negara tersebut bagi tujuan membina kerjaya sebagai ahli akademik (Muhammad Safuan, Y., Irma Wani, O., Norazah, M.S. & Rudie Adie, R. (2015). Fenomena globalisasi meletakkan kebergantungan sistem pendidikan tinggi ke atas akademik ekspatriat berdikari, lantas pemahaman berhubung motif kedatangan golongan tersebut dianggap kritikal. Kesenambungan dari itu, penglibatan pihak pengurusan universiti secara aktif dalam pasaran kerja global turut memperlihatkan peningkatan pengambilan akademik ekspatriat (Hasbullah, A., Irma Wani, O., Norazah, M. S., Muhammad Safuan, Y., & Herlina, J., 2018). Dalam konteks pengantarabangsaan ini, pihak universiti bakal memperolehi kebaikan dan manfaat daripada tenaga pengajar luar negara yang berkhidmat. Ilmu, kemahiran, kepakaran, teknologi dan cara pendekatan yang berbeza yang dibawa oleh ahli akademik daripada pelbagai negara ini pastinya dapat membangunkan modal insan yang berkualiti tinggi untuk pembangunan negara pada masa akan datang (Irma Wani, Muhammad Safuan, Hasbullah & Herlina, 2016; Irma Wani, Muhammad Safuan, Hasbullah & Herlina, 2016).

Berdasarkan Jadual 1 menunjukkan peningkatan inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi dalam melaksanakan pelbagai usaha bagi menjayakan dasar pengantarabangsaan Institusi Pengajian Tinggi negara. Rantainya usaha proaktif digarapkan dengan memfokuskan pencapaian status Malaysia sebagai hab kegemilangan pendidikan di rantau Asia. Statistik Kementerian Pengajian Tinggi dalam masa sedekad lalu mencatatkan peningkatan kehadiran jumlah akademik ekspatriat di universiti awam Malaysia pada tahun 2010 iaitu seramai 1681 orang akademik ekspatriat, dan seterusnya meningkat kepada 2712 orang akademik ekspatriat pada tahun 2013. Manakala corak penurunan berlaku terhadap bilangan keseluruhan ekspatriat yang bekerja di universiti awam Malaysia sepanjang tahun 2014 sehingga 2019 (MOHE, 2019). Namun yang menariknya, bilangan ekspatriat yang beragama Islam memperlihatkan peningkatan di beberapa universiti di negara ini. Perbincangan artikel ini merungkai motif di sebalik kedatangan ahli akademik ekspatriat Muslim berkhidmat di Malaysia.

Jadual 1: Jumlah Kakitangan Akademik Ekspatriat di 20 buah universiti awam Malaysia dari 10 Tahun Kebelakangan

Tahun	Jumlah
2010	1681
2011	1765
2012	2151
2013	2712
2014	2430
2015	2199
2016	1719
2017	1540
2018	1452
2019	1472

Sumber: http://www.mohe.gov.my/web_statistik/ (Dari Tahun 2010 sehingga 2019)

Sorotan Literatur

Pengurusan ekspatriat mengklasifikasi golongan tersebut kepada ekspatriat eksekutif yang merujuk pekerja organisasi yang dihantar bagi tugas khas ke luar negara dan ekspatriat berdikari yang merujuk individu melakukan ekspatriasi di atas inisiatif mereka sendiri (Frose dan Peltokorpi, 2013). Bagi kategori yang kedua, kehadiran golongan ekspatriat berdikari ke sesebuah destinasi adalah bergantung kepada motif berbeza di mana ianya sentiasa berubah berdasarkan keperluan semasa individu berkenaan. Motif ekspatriasi mempunyai kesalinghubungan dengan pembangunan kerjaya ekspatriat (Muhammad Safuan, Irma Wani, Norazah & Rudie, 2015; Abdien, 2019; Irma Wani, Muhammad Safuan, Mohd Sohaimi, Mohd Azri & Budi, 2020). Namun begitu, pelbagai motif yang mendukung tindakan ke arah tata tingkat kerjaya ekspatriat pastinya mampu memberi manfaat ke atas keseluruhan aspek kehidupan mereka (Cao, Hirschi & Deller, 2012; Jiang & V Carpenter, 2013).

Menurut Stoermer, Luring dan Selmer (2020) tiga aspek yang menjadi hala tuju ekspatriasi golongan ekspatriat adalah berkaitan dengan 1) kemahiran dan kecekapan profesionalisme, 2) peluang pengembangan kerjaya, dan 3) keharmonian kehidupan peribadi ekspatriat. Sementara itu, Majid dan Kamarul (2018) berpandangan bahawa faktor-faktor seperti penyesuaian diri dalam bidang kerjaya yang diceburi, kepuasan terhadap kerjaya yang dimiliki dan beban kerja yang dipikul mampu memberi perbezaan ke atas pemilihan organisasi. Masih membicarakan isu yang sama Muhammad Safuan, Irma Wani, Rudie and Norazah (2016) mendakwa ekspatriat yang bijak mampu mencipta peluang untuk berekspatriasi dengan merancang pembangunan kerjaya berdasarkan kesesuaian pengkhususan bidang kepakaran diri masing-masing. Manakala kajian yang dilaksanakan oleh (Irma Wani, Norazah, Muhammad Safuan & Nor Arifah, 2014; Irma Wani, 2014; Rudie, Irma Wani, Muhammad Safuan & Norazah, 2016; Irma Wani, 2019b; Utami, Tobing, Paramu & Slamini, 2019) membuktikan kemahiran diri seperti penguasaan pelbagai bahasa terutamanya bahasa negara tuan rumah membuka ruang dan peluang untuk mengharungi pengalaman ekspatriasi yang lebih baik.

Seterusnya motif kekeluargaan menjadi antara keutamaan alasan yang dikemukakan oleh ekspatriat dalam kajian Mayrhofer, Pernkopf dan Reiss, (2020) di mana pertimbangan keputusan untuk berekspatriasi ke luar negara perlu mengambilkira implikasi ke atas kesejahteraan ahli keluarga mereka. Dari perspektif tersebut, pihak signifikan yang terdiri dari pasangan, anak-anak, ibu bapa, keluarga terdekat serta kenalan rapat menjadi indikator vital dalam memengaruhi keputusan pemilihan negara destinasi. Berdasarkan penemuan kajian Muhammad Safuan, Y., Nur Hidayah Iwani, M.K., Irma Wani, O. & Abu Bakar. A.H. (2018), kecenderungan ekspatriat untuk berjaya melaksanakan tugas antarabangsa mempunyai perkaitan rapat dengan sistem sokongan pasangan dan ahli keluarga yang mengiringi ekspatriat ke negara tuan rumah. Manakala Greenhaus & Powell (2012) pula mendapati kehadiran pasangan suami atau isteri yang menemani ekspatriat untuk bertugas ke negara tuan rumah merupakan elemen positif kejayaan kerjaya. Penurunan bilangan tugas pra-matang turut dikaitkan dengan hubungan kerja-keluarga di mana proses asimilasi kebudayaan ekspatriat dibantu dengan sokongan padu dari keluarga yang menemani ekspatriat ke negara tuan rumah.

Dalam konteks kajian ini kehadiran golongan ekspatriat cuba dirungkai bersabit dengan motif yang lebih bersifat peribadi, iaitu elemen-elemen keagamaan, prinsip pegangan hidup, kepercayaan dan nilai-nilai murni diri menjadi tunggak pemilihan destinasi ekspatriasi. Menurut Abu Bakar, Muda & Alias, 2008; Don, Abdullah & Ghani, 2010) motif pegangan hidup difahami sebagai falsafah kehidupan seseorang yang ditanam dalam diri semenjak usia muda serta menjadi panduan dalam menjalani kehidupan seharian (Muhammad Safuan *et al.*,

2016). Teras kehidupan tersebut dipengaruhi oleh latar belakang individu dibesarkan serta penerima didikan agama daripada ibu bapa. Prinsip pegangan hidup mempunyai ikatan rapat dengan kepercayaan agama yang menjadi pendoman ekspatriat dan tidak boleh sewenangnyanya dipengaruhi dengan perkembangan semasa. Isu keagamaan menjadi suatu topik yang sensitif dan patut mendapat keistimewaan dari segi privasi dan hak untuk menganuti serta mengamalkan sesuatu agama.

Malahan menurut Muhammad Qarbawi (1980), pandangan seseorang berhubung wawasan dunia secara keseluruhan (*worldview*) mempamerkan kepercayaan agama, amalan pembudayaan dan pelbagai spektrum nilai-nilai murni kehidupan. Pandangan tersebut disokong oleh (Tantawi, 1999) dengan menegaskan tata cara pegangan hidup seseorang terbit secara suka rela serta lahir dari sifat yang telah sehati dengan jiwa tanpa sebarang unsur tekanan atau paksaan. Mengkaji isu yang sama, Don, A.G, Abdullah, B. & A.B. Ghani, Z. (2010) mendakwa tidak dapat dinafikan bahawa unsur luar berupaya untuk mempengaruhi falsafah hidup seseorang, namun pengaruh tersebut tidak menjamin perubahan kepercayaan asas yang tertanam dalam diri individu berkenaan. Ini kerana seseorang yang mempunyai *worldview* terhadap erti kehidupan sukar untuk menukar paksi kepercayaan yang telah disemat dalam diri untuk tempoh masa sekian lama.

Sementara itu, motif ekspatriasi yang dilingkungi oleh prinsip keagamaan yang merujuk kepada komuniti akademik ekspatriat beragama Islam sentiasa dikaitkan dengan jihad untuk berdakwah ke jalan Allah swt. Prinsip kehidupan keislaman yang dipegang teguh menjadi faktor utama kriteria pemilihan organisasi dan negara yang bakal dipilih malahan menjadi matlamat yang ingin dipenuhi. Bagi kalangan ekspatriat Islam amalan kehidupan adalah berpandukan ajaran Al-Quran dan Sunnah. Kerjaya ekspatriat dianggap sebuah landasan penting bagi menyebarluas agama Islam selain dari memberikan manfaat kepada diri dan keluarga. Konsep Islam sebagai sebuah agama yang Syumul menjadikan motif kedatangan ekspatriat Islam ke negara tuan rumah berbeza sekiranya dibandingkan dengan kelompok ekspatriat yang lain (Abu, 2002; Mat Nor, 2003; Wan Daud, 2002). Justeru peningkatan kehadiran ekspatriat Islam ke Malaysia mendapat perhatian ramai pihak yang berminat untuk mengetahui asas kepada pegangan hidup yang selaras falsafah didokong oleh universiti berteraskan Islam di Malaysia adalah antara pendorong utama golongan tersebut.

Berdasarkan kupasan literatur yang dibincangkan di atas, motif di sebalik kedatangan ahli akademik ekspatriat yang beragama Islam ke Malaysia mempunyai kesinambungan dengan prinsip pegangan hidup. Perkara berkenaan merujuk kepada peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang memberikan pengiktirafan Islam sebagai agama rasmi negara sejurus selepas memperoleh kemerdekaan (Bari, 2005; Muhammad Safuan, Irma Wani, Norazah, Hasbullah, Herlina & Rudy, 2017; Irma Wani, 2019a). Berpaksikan kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara di dukung dengan komitmen Yang di-Pertuan Agong berperanan menjadi ketua agama Islam, keseluruhan agenda negara yang merangkumi dasar awam dan perundangan bertunjangan prinsip Islam serta haruslah tidak bercanggah dengan ketinggian dan kedaulatan Islam di Malaysia (Bari, 2005; IKIM, 2005).

Kecenderungan untuk melakukan keputusan berdasarkan motif-motif seperti 1) kemahiran dan kecekapan profesionalisme, 2) peluang pengembangan kerjaya, 3) keharmonian kehidupan peribadi ekspatriat, 4) penyesuaian diri dalam bidang kerjaya yang diceburi, 5) kepuasan terhadap kerjaya yang dimiliki dan 6) beban kerja yang dipikul, akhirnya berpatahbalik kepada persoalan asas prinsip pegangan kehidupan sebagai seorang muslim yang ingin digarap di

negara tuan rumah. Tuntasnya, kajian ini meneroka persoalan sama ada seseorang ekspatriat menempoh pengalaman ekspatriasi dengan pelbagai motif berkaitan kerjaya, keluarga dan sebagainya akan akhirnya meletakkan prinsip pegangan hidup sebagai faktor signifikan. Sekiranya andaian ini tepat, maka dapatan hasil kajian ini dikatakan menyokong tanggapan umum bahawa keputusan ekspatriat akademik yang beragama Islam dipengaruhi oleh motif prinsip pegangan hidup yang merupakan fenomena lazim yang didepani oleh majoriti ekspatriat Islam semasa melakukan keputusan untuk berekspatriasi.

Metodologi Kajian

Penyelidikan kualitatif menjadi pilihan kajian ini dengan berfokuskan kepada reka bentuk kajian kes berbentuk deskriptif. Yin, (2009) menekankan kelebihan menggunakan reka bentuk kajian kes yang menjurus kepada keupayaan penyelidik untuk mendedahkan perkara-perkara baru serta meneroka penjelasan berhubung sesuatu peristiwa yang melibatkan fenomena tertentu. Manakala pelibatan responden dalam kajian ini adalah secara sukarela dan merangkumi kaedah persampelan bertujuan yang meletakkan ciri-ciri seperti 1) ekspatriat berinisiatif sendiri; 2) masih berada dalam kontrak perkhidmatan; 3) tidak berstatus dalam cuti sabatikal mahupun cuti pengajian daripada universiti lain; dan 4) berkhidmat tidak kurang dari setahun setahun dan tidak melebihi 10 tahun.

Menurut (Simons, 2009), kaedah temu bual berfungsi meneroka sesuatu fenomena (seperti ekspatriasi dalam kalangan ekspatriat berdikar) dapat dilakukan dengan terperinci, terutama apabila ekspatriasi berkenaan dikaitkan motif pembuatan keputusan yang dipertimbangkan secara rasional. Justeru itu kaedah temu bual semi struktur yang diketengahkan dalam kajian ini mampu memperoleh data empirikal secara komprehensif berbanding dengan kaedah kuantitatif (Creswell, 2014) Dalam erti kata lain, kajian yang melibatkan 30 orang ahli akademik ekspatriat dalam kalangan mereka yang beragama Islam telah meletakkan kelebihan di pihak penyelidik dalam usaha merungkai motif pemilihan golongan tersebut berkhidmat di salah sebuah dari empat universiti awam Malaysia yang berteraskan pendidikan Islam.

Daripada data empirikal yang diperolehi dari temu bual mendalam, data tersebut diproses melalui kaedah analisis induktif menggunakan teknik mentranskrip, pengkodan pengkategorian tema Eriksson and Kovalainen, 2016). Hasil daripada analisis tematik kajian ini telah melahirkan beberapa motif yang boleh dikaitkan dengan kedatangan ahli akademik Islam untuk berkhidmat di universiti awam Malaysia. Tiga tema utama timbul dari analisa tematik yang merangkumi 1) Pegangan Hidup; 2) Keluarga; dan 3) Kerjaya. Jadual 2 menyenaraikan profil demografi informan kajian yang mengandungi variabel jantina, umur, status perkahwinan dan tahap pendidikan informen kajian.

Reka bentuk kajian kes ini melibatkan tiga buah universiti awam yang mempunyai konsep pengajian berlandaskan syariat Islam. Kajian ini melibatkan seramai 30 orang responden yang mana seramai 20 orang bersamaan 67.0 peratus merupakan informan kajian lelaki dan bakinya seramai 10 orang bersamaan 33.0 peratus adalah informan kajian perempuan. Majoriti daripada informan kajian yang terlibat adalah tergolong dalam lingkungan umur di antara umur 40 sehingga 49 tahun, iaitu seramai 10 orang yang mengambil 33.0 peratus dari peserta kajian yang terlibat. Apabila melihat kepada informan kajian yang berusia 50 sehingga 59 tahun, golongan tersebut mencatatkan seramai 9 orang, bersamaan 30.0 peratus. Informan kajian yang berumur 60 tahun ke atas mencatatkan seramai 6 orang yang membawa kepada 20.0 peratus penglibatan dalam penyelidikan ini. Manakala lingkungan informan kajian yang berusia 30 sehingga 39 tahun pula adalah seramai 5 orang, iaitu bersamaan 17.0 peratus. Majoriti informan

kajian adalah terdiri daripada mereka yang sudah berkahwin iaitu sebanyak 18 orang iaitu mencakupi 60.0 peratus dari jumlah penyertaan peserta kajian. Manakala bakinya iaitu sebanyak 40.0 peratus datangnya dari mereka yang berstatus bujang iaitu seramai 12 orang. Seterusnya informan kajian yang terlibat di dalam kajian ini mempunyai tahap pendidikan tertinggi di peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) adalah seramai 25 orang bersamaan 83.0 peratus dan bakinya 5 orang lagi adalah sebanyak 17.0 peratus iaitu pemegang Ijazah Sarjana (Master).

Jadual 2: Profil Demografi Informan Kajian

Variabel	Kekerapan	Peratusan (%)
<i>Jantina</i>		
Lelaki	20	67.0
Perempuan	10	33.0
<i>Umur (Tahun)</i>		
30-39	5	17.0
40-49	10	33.0
50-59	9	30.0
>60	6	20.0
<i>Status</i>		
Bujang	12	40.0
Berkahwin	18	60.0
<i>Tahap Pendidikan</i>		
Ijazah Sarjana (Master)	5	17.0
Ijazah Doktor Falsafah (PhD)	25	83.0

Hasil Penyelidikan

Dengan mengaplikasikan analisis tematik, data yang diperolehi dari temu bual mendalam menghasilkan tiga tema utama iaitu 1) Prinsip hidup bertunjangkan Islam sebagai agama kepercayaan; 2) Kecenderungan keluarga berada dalam kehidupan majoriti masyarakat Islam dan 3) Kerjaya dalam konteks keistimewaan penawaran konsep program pengajian Islam di universiti awam Malaysia.

Prinsip Hidup Bertunjangkan Islam Sebagai Agama Kepercayaan

Motif ekspatriasi yang paling kerap dibicarakan oleh responden kajian yang melakukan penghijrahan ke luar negara sering merujuk kepada prinsip hidup yang dikaitkan dengan wawasan tentang dunia secara keseluruhan. Prinsip hidup yang dipegang oleh golongan ekspatriat berkenaan merujuk kepada elemen-elemen keagamaan dan kepercayaan kepada nilai-nilai murni dan jati diri yang menjadi panduan kehidupan seharian ekspatriat dan keluarga.

Jadual 3: Prinsip Hidup Bertunjangkan Islam Sebagai Agama Kepercayaan

Universiti 1	Universiti 2	Universiti 3
Akademik Ekspatriat 1	Akademik Ekspatriat 12	Akademik Ekspatriat 21
Akademik Ekspatriat 2	Akademik Ekspatriat 14	Akademik Ekspatriat 23
Akademik Ekspatriat 4	Akademik Ekspatriat 15	Akademik Ekspatriat 24
Akademik Ekspatriat 5	Akademik Ekspatriat 16	Akademik Ekspatriat 27
Akademik Ekspatriat 6	Akademik Ekspatriat 17	Akademik Ekspatriat 28

Akademik Ekspatriat 8 Akademik Ekspatriat 9 Akademik Ekspatriat 10	Akademik Ekspatriat 20	Akademik Ekspatriat 29 Akademik Ekspatriat 30
--	------------------------	--

Falsafah dan Hala Tuju Kehidupan Sebagai Seorang Muslim

Motif falsafah dan hala tuju kehidupan sebagai seorang Muslim yang melihat status Islam dimartabatkan sebagai agama rasmi negara menjadi daya penarik utama majoriti dari responden kajian ini melakukan ekspatriasi ke Malaysia (Muhammad Safuan *et al.*, 2017; Irma Wani, 2019a). Pegangan hidup ekspatriat yang berteraskan prinsip mengamalkan ciri-ciri keislaman dalam diri dalam setiap aspek kehidupan mereka terbukti dengan pernyataan responden seperti mana yang dijelaskan di bawah:

“Menganut agama Islam dalam sebuah negara Barat memerlukan kesabaran yang tinggi dan pengorbanan yang besar. Maksud saya dalam menjalani kehidupan sebagai seorang Muslim ada kalanya saya tidak dapat melunaskan tanggungjawab seperti solat tepat pada waktunya disebabkan persekitaran yang tidak memahami agama kita. Majoriti penduduk di negara asal saya beragama Kristian Khatolik. Justeru itu apabila peluang terbuka untuk berhjrah ke luar negara, saya memilih untuk datang ke Malaysia. Pemilihan Malaysia bertepatan dengan cita rasa diri saya. Negara yang membangun dengan pembangunan namun tetap meletakkan agama sebagai keutamaan. Ini mungkin dipengaruhi dengan majoriti rakyatnya yang beragama Islam.” (Responden 10)

Pernyataan yang dikeluarkan oleh Responden 10 menjelaskan kesukaran beliau menjalani kehidupan sebagai seorang Islam dengan pelbagai kekangan di negara Barat. Sebagai ekspatriat berdikari peluang yang terbuka untuk membuat pemilihan ke atas destinasi yang dituju menjadikan Responden 10 menjadikan Malaysia sebagai destinasi utama.

Manakala kepercayaan terhadap agama Islam sebagai agama syumul dilihat daripada pernyataan Responden 15 di mana falsafah dan hala tuju seorang Muslim dikaitkan dengan iltizam diri untuk berusaha melahirkan insan profesional yang tidak tersasar untuk mendapat keredaan Allah. Kepercayaan terhadap agama Islam ternyata jelas disampaikan melalui responden seperti di bawah:

“Sebagai seorang pendidik sememangnya sifat semulajadi saya untuk mendidik anak bangsa. Namun sifat tersebut sudah ditanam dalam diri semenjak kecil lagi. Didikan sebagai seorang Islam mengajar kita untuk menjadikan setiap tindakan itu memberi manfaat kepada orang lain.” (Responden 15)

Secara ringkasnya, motif ekspatriasi dalam kalangan ahli akademik Islam ke Malaysia yang menghubungkan prinsip hidup bertunjangkan dipamerkan berdasarkan pernyataan-pernyataan yang dikeluarkan oleh responden yang begitu berpegang teguh kepada ajaran agama Islam dan percaya akan ganjaran yang akan diberikan oleh Allah S.W.T di atas setiap perkara baik yang dilakukan (Don *et al.*, 2010)

Kecenderungan Keluarga Berada dalam Kehidupan Majoriti Masyarakat Islam

Motif keluarga antara tema dominan yang dikeluarkan oleh responden kajian di mana sebahagian besar mengatakan kecenderungan keluarga masing-masing untuk tinggal di negara yang mempunyai majoriti penduduk Islam. Alasan yang diberikan berada dalam tonasi yang hampir serupa iaitu prinsip dan moral kehidupan dapat dikekalkan dengan keberadaan mereka dalam komuniti Islam. Justeru itu, jelas di sini mempamerkan keprihatinan ekspatriat berhubung pilihan keluarga demi menjaga kesejahteraan terhadap setiap keputusan yang melibatkan sesama mereka (Greenhaus & Powell, 2012; Muhammad Safuan, Nur Hidayah, Irma Wani & Abu Bakar, 2018). Keutamaan meletakkan keluarga sebagai motif ekspatriasi adalah jelas apabila 23 orang responden kajian menegaskan ukwah kekeluargaan yang kuat bukan sahaja merujuk kepada pasangan dan anak-anak yang menemani ekspatriat ke negara tuan rumah. Malahan pandangan dan keselesaan keputusan tersebut juga dijana dari pengaruh ibu bapa, keluarga terdekat malahan kenalan rapat yang ditinggalkan di negara asal. Bukti tersebut dalam dilihat dari tema-tema yang digarap seperti di bawah:

Jadual 4: Kecenderungan Keluarga Berada dalam Kehidupan Majoriti Masyarakat Islam

Universiti 1	Universiti 2	Universiti 3
Akademik Ekspatriat 1	Akademik Ekspatriat 11	Akademik Ekspatriat 21
Akademik Ekspatriat 2	Akademik Ekspatriat 14	Akademik Ekspatriat 22
Akademik Ekspatriat 3	Akademik Ekspatriat 15	Akademik Ekspatriat 23
Akademik Ekspatriat 5	Akademik Ekspatriat 16	Akademik Ekspatriat 24
Akademik Ekspatriat 6	Akademik Ekspatriat 17	Akademik Ekspatriat 25
Akademik Ekspatriat 7	Akademik Ekspatriat 19	Akademik Ekspatriat 26
Akademik Ekspatriat 8	Akademik Ekspatriat 20	Akademik Ekspatriat 27
		Akademik Ekspatriat 28
		Akademik Ekspatriat 29

Seterusnya motif kekeluargaan menjadi antara keutamaan alasan yang dikemukakan oleh ekspatriat dalam kajian Mayrhofer, Pernkopf dan Reiss (2020) di mana pertimbangan keputusan untuk berekspatriasi ke luar negara perlu mengambilkira implikasi ke atas kesejahteraan ahli keluarga mereka. Dari perspektif tersebut, pihak signifikan yang terdiri dari pasangan, anak-anak, ibu bapa, keluarga terdekat serta kenalan rapat menjadi indikator vital dalam memengaruhi keputusan pemilihan negara destinasi (Norazah, M. S., Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., & Norbayah, M. S., 2014). Berdasarkan penemuan kajian Muhammad Safuan *et al.*, (2018), kecenderungan ekspatriat untuk berjaya melaksanakan tugas antarabangsa mempunyai perkaitan rapat dengan sistem sokongan pasangan dan ahli keluarga yang mengiringi ekspatriat ke negara tuan rumah. Manakala Greenhaus dan Powell (2012) pula mendapati kehadiran pasangan suami atau isteri yang menemani ekspatriat untuk bertugas ke negara tuan rumah merupakan elemen positif kejayaan kerjaya. Penurunan bilangan tugas pra-matang turut dikaitkan dengan hubungan kerja-keluarga di mana proses asimilasi pembudayaan ekspatriat dibantu dengan sokongan padu dari keluarga yang menemani ekspatriat ke negara tuan rumah.

Saranan dan Pengaruh Ibu Bapa

Keputusan untuk memilih Malaysia sebagai destinasi penghijrahan mengambil kira pihak signifikan yang paling rapat dalam kehidupan ekspatriat. Dalam konteks keluarga Islam, ibu bapa diumpamakan tunggak pegangan dalam diri anak-anak dalam mencari keberkatan dalam

kehidupan dunia dan akhirat. Institusi kekeluargaan meletakkan restu ibu bapa di tempat yang disanjung, insan yang dikasihi dan dihormati. Justeru pengaruh ibu bapa ke atas keputusan anak-anak mereka dikatakan hanyalah untuk kebaikan diri, keluarga, masyarakat dan agama mereka sendiri. Ini dibuktikan dengan pernyataan Responden 6 yang menegaskan motif ekspatriasi ke negara yang mengamalkan ajaran Islam dengan baik telah dipengaruhi oleh kedua ibu bapanya.

“Boleh saya katakan pengaruh besar dalam keputusan untuk datang ke mari datangnya dari ke dua ibu bapa saya. Walaupun mereka tidak pernah datang ke Malaysia, namun ciri-ciri negara yang mereka maksudkan dalam nasihat mereka itu lebih mirip kepada negara ini. Mereka bertegas dalam menyatakan kepentingan untuk berada dalam komuniti yang melaungkan azan lima kali sehari, melaksanakan solat berjemaah di masjid, mengagungkan hari perayaan Islam, mempunyai pemimpin dan pemerintah negara yang mengamalkan ajaran Islam sepenuhnya. Apa yang lebih menambat hati mereka apabila Malaysia merupakan anggota aktif dalam OIC yang menggambarkan perjuangan pemimpin negara ini dalam menegakkan ajaran Islam serta membantu dunia Islam. Dengan mengikuti nasihat orang tua saya, saya merasakan kelebihan yang saya ada sekarang sebenarnya berkat doa mereka yang tidak putus-putus.” (Responden 6)

Berdasarkan pernyataan yang dikeluarkan oleh Responden 6 jelas memperlihatkan pengaruh besar yang dimainkan oleh ibu bapa dalam menentukan bukan sahaja sahsiah diri ekspatriat sebagai insan yang berhemah, tetapi juga berperanan untuk sama-sama memandu perjalanan hidupnya sebagai seorang Muslim sejati. Keputusan untuk berekspatriasi dan destinasi pemilihan negara tuan rumah turut memperlihatkan ketaatan ekspatriat terhadap saranan daripada kedua ibu bapa (Richardson, 2006; Greenhaus & Powell, 2012). Dalam erti kata lain, pedoman hidup yang menjadi pegangan ekspatriat dikaitkan dengan keakuran terhadap nasihat ibu bapa di mana wujudnya fahaman keberkatan untuk diri sendiri, keluarga, masyarakat dan ummah Islam sejagat. Penemuan berhubung perkara ini adalah sejajar dengan kajian Irma Wani, (2019c) yang mengaitkan pengaruh didikan agama oleh ibu bapa ke atas kepatuhan anak-anak dalam mengakuri saranan mereka.

Keperluan Pendidikan Islam dan Kebajikan Masa Depan Anak-Anak

Antara perkara yang diketengahkan sebagai motif ekspatriasi ke Malaysia adalah merujuk kepada keperluan pendidikan Islam yang terjamin dan kebajikan masa depan anak-anak yang lebih terpimpin. Penghuraian berhubung motif tersebut disampaikan oleh Responden 11 melalui pernyataan di bawah:

“Sebagai ibu bapa, kami bertanggungjawab penuh ke atas persekitaran anak-anak kami dibesarkan. Mereka masih kecil dan pilihan sepenuhnya di atas bahu kami. Pemilihan negara mana untuk saya berekspatriasi akan memberi kesan mendalam terhadap pengaruh luar ke atas pergaulan sosial dan latar belakang persekolahan mereka kelak. Saya mahu anak-anak saya berada dalam suasanamasyarakat yang mendahulukan ajaran agama dan tidak terlalu terpengaruh dan terdedah dengan gejala sosial yang kurang sihat. Saya mahu mengeliminasi pendedahan kurang wajar kepada anak-anak. Saya yakin itu yang paling penting saya lakukan semasa anak-anak masih berada dalam kawalan kita sebagai ibu bapa. Malaysia mempunyai

sistem persekolahan yang berlandaskan pendidikan Islam sedari anak-anak masih di peringkat pra-sekolah sehingga ke peringkat universiti. Itulah elemen yang menarik perhatian saya untuk datang bekerja ke sini.” (Responden 11)

Memahami penjelasan yang diberikan oleh Responden 11, pengkaji mendapati usaha yang dilakukan oleh responden untuk memilih destinasi tuan rumah bagi membina kerjayanya adalah berkait rapat dengan kesejahteraan kebajikan anak-anak yang mempunyai kelangsungan dengan pendidikan Islam. Jelas dari sini motif berhubung kekeluargaan menjadi satu priority dalam golongan ekspatriat Islam yang mahukan elemen kepercayaan agama disatukan bagi mendapatkan kepuasan kehidupan dan kerjaya mereka (Andres, Moelker & Soeters, 2012; Muhammad Safuan, Y., Irma Wani, O., Rudie Adie, R. & Norazah, M.S., 2016; De Sivatte, Bullinger, Cañamero & Gomez, 2019).

Kebergantungan Sokongan Pasangan Hidup

Prinsip dan moral kehidupan ekspatriat Muslim dan pengaruh keluarga dalam memilih destinasi masyarakat negara Islam merupakan intipadi ke atas kedatangan ekspatriat ke Malaysia. Majoriti daripada pengungkapan yang diterima mengaitkan peranan dan pengaruh keluarga dalam menekankan kepentingan berada dalam sebuah negara yang diduduki oleh majoriti masyarakat beragama Islam (Herlina, J., Irma Wani, O., Norazah, M. S., Muhammad Safuan, Y., & Hasbullah, A., 2018). Dalam konteks tersebut kebergantungan sokongan dari pasangan hidup sentiasa menjadi keutamaan ekspatriat. Sekiranya pasangan mereka tidak gembira untuk mengiringi ekspatriat ke negara tuan rumah maka isu tersebut berupaya memberi impak yang negatif ke atas keseluruhan proses asimilasi dan kejayaan tugas di luar negara. Responden 25 merungkaikan dilema sebahagian dari rakan ekspatriat yang tidak mendapat sokongan dari isteri mereka yang menjejaskan prestasi pekerjaan.

“Ini tidak berlaku ke atas diri saya. Tetapi pengalaman dari rakan-rakan terdahulu yang terpaksa berhadapan dengan tugas pra-matang telah banyak memberi iktibar kepada saya agar mengambilkira pandangan pasangan masing-masing apabila membuat sesuatu keputusan untuk bekerja ke luar negara. Selalunya apabila ketua keluarga keluar bekerja, isteri ditinggalkan bersama anak-anak untuk menguruskan hal keluarga. Secara rasional dalam dunia ekspatriat, para isteri yang akan berhadapan dengan cabaran yang lebih besar. Asimilasi diri ke atas kebudayaan luar sangat memberi tekanan kepada mereka sekiranya tidak cukup bersedia. Oleh itu pandangan isteri dan anak-anak amat penting dalam menentukan negara mana yang kita mahu bekerja memandangkan isteri adalah sokongan paling berharga bagi ekspatriat. Bagi saya, pilihan isteri untuk saya memohon pekerjaan di negara Islam meletakkan harapan isteri saya untuk memudahkan dirinya mengatur cara kehidupan kami di negara orang dengan lebih mudah. Dan saya bersetuju dan hormat dengan kemahuan isteri saya kerana semuanya untuk kebaikan kami sekeluarga.” (Responden 25)

Melalui penerangan yang dikemukakan oleh Responden 25 di atas jelas memberi pemahaman bahawa sokongan pasangan ekspatriat mampu mengubah pencapaian prestasi tugas antarabangsa yang digalas semasa berada di luar negara. Tanggungjawab pasangan ekspatriat lebih meluas kerana terpaksa berhadapan dengan cabaran membina kehidupan menguruskan anak-anak serta keluarga di satu persekitaran asing ketika ekspatriat bekerja. Malahan kejayaan

ekspatriat menjalankan tugas banyak dipengaruhi dengan keupayaan isteri dan anak-anak merasa selesa semasa di negara tuan rumah. Pasangan yang ideal merupakan individu yang boleh menjadi sokongan, mempunyai kestabilan emosi, cekap menyesuaikan diri dengan persekitaran baru serta berfikiran terbuka terhadap perubahan hidup yang mereka lalui Makela, Kansala dan Suutari (2011). Malahan kebanyakan tugas pra-matang dihadapi oleh segelintir ekspatriat membayangkan kepentingan pasangan ekspatriat dalam menanamkan nilai-nilai positif dalam diri ekspatriat untuk melakukan tugas dengan cemerlang, dan bukan sebaliknya (Rudy Adie, Irma Wani, Norazah, Hasbullah, Herlina & Muhammad Safuan, 2017; Muhammad Safuan *et al.*, 2018).

Capaian Sumber Makanan Halal

Majoriti daripada responden yang ditemubual menyatakan kesyukuran mereka kerana berada di sebuah negara yang tidak perlu gusar memikirkan tentang sumber mendapatkan makanan halal di Malaysia. Ini kerana kerajaan Malaysia mempunyai organisasi yang cekap dan tegas bagi memantau pengurusan amakanan halal bagi kesejahteraan penggunaan masyarakat Islam. Keyakinan ekspatriat terhadap reputasi Malaysia sebagai negara Islam menyebabkan mereka tidak ragu-ragu untuk menerima tawaran bekerja di sini seterusnya membawa bersama keluarga untuk tinggal di Malaysia. Antara pernyataan responden kajian yang membayarkan isu capaian kepada sumber makanan halal diberikan dari Responden 30.

“Checklist saya yang paling atas adalah akses kepada makanan halal di negara ini. Saya pernah mengalami pengalaman yang menyeksakan apabila bertugas di negara yang bukan Islam dan sentiasa mengahadapi kesukaran untuk mendapatkan makanan halal. Ini memberi kesan kepada isteri dan anak-anak yang sentiasa mengeluh serta kluatir terhadap kesahihan makanan halal kerana tiada sijil pengiktifan atau kelulusan makanan halal yang dipamerkan di kedai-kedai makan atau pasar. Saya mendapati Malaysia antara salah sebuah negara yang maju ke hadapan dalam pengurusan makanan halal di mana saya harapkan banyak lagi negara boleh mencontohi cara Malaysia memastikan kualiti dan pemantauan halal terjamin bagi masyarakat beragama Islam.” (Responden 30)

Daripada pernyataan yang dikemukakan oleh responden di atas jelas memperlihatkan betapa penting akses kepada makanan halal bagi golongan ekspatriat Islam. Pengurusan dan pengendalian makanan halal di negara ini yang dilakukan dengan telus dan cekap telah memberikan keyakinan yang tinggi kepada ekspatriat slam dalam memilih Malaysia sebagai destina mereka datang bekerja ke mari. Tambahan lagi usaha Malaysia dalam mempromosikan makana halal di peringkat dunia mendapat sokongan dari masyarakat Islam (Mansor, 2010). Reaksi positif daripada masyarakat luar terhadap konsep menggalakan memilih dan mengamalkan makanan yang berasakan produk halal telah mengangkat Malaysia sehingga mendapat pengiktirafan sebagai Halal Hub di rantau Asia Tenggara (Abdul Rahman, 2010).

Kerjaya dalam Konteks Keistimewaan Penawaran Konsep Program Pengajian Islam di Universiti Awam Malaysia

Peluang untuk membina kerjaya di sesebuah universiti yang menawarkan keunikan pelbagai program pengajian yang berlandaskan syariat Islam menjadi alasan utama sebahagian besar daripada responden kajian yang mahukan kepuasan kerjaya sebagai penganut Islam yang sejati. Dari perspektif ekspatriat yang menganggap kerjaya merupakan jihad dalam kehidupan di dunia dan sebagai pendidik pendakwaan yang paling berkesan diberikan melalui pelajar-

pelajar mereka. Justeru itu motif memilih Malaysia sebagai destinasi kerjaya dipengaruhi oleh keistimewaan penawaran konsep program pengajian Islam di universiti awam Malaysia itu sendiri.

Jadual 5: Kerjaya dalam Konteks Keistimewaan Penawaran Konsep Program Pengajian Islam di Universiti Awam Malaysia

Universiti 1	Universiti 2	Universiti 3
Akademik Ekspatriat 1	Akademik Ekspatriat 11	Akademik Ekspatriat 21
Akademik Ekspatriat 2	Akademik Ekspatriat 12	Akademik Ekspatriat 22
Akademik Ekspatriat 4	Akademik Ekspatriat 13	Akademik Ekspatriat 24
Akademik Ekspatriat 5	Akademik Ekspatriat 14	Akademik Ekspatriat 25
Akademik Ekspatriat 7	Akademik Ekspatriat 15	Akademik Ekspatriat 27
Akademik Ekspatriat 9	Akademik Ekspatriat 16	Akademik Ekspatriat 28
Akademik Ekspatriat 10	Akademik Ekspatriat 17	Akademik Ekspatriat 29
	Akademik Ekspatriat 19	Akademik Ekspatriat 30
	Akademik Ekspatriat 20	

Falsafah dan Hala Tuju Pendidikan Universiti

Submotif falsafah dan hala tuju pendidikan universiti yang berlandaskan syariat Islam menjadi kecenderungan utama ekspatriat apabila membuat keputusan dalam memilih Malaysia sebagai destinasi kerjaya. Menurut penjelasan Responden 4, keputusan untuk berhijrah ke negara ini disebabkan oleh universiti yang menawarkan pekerjaan mempunyai visi, misi dan falsafah berpandukan ajaran Al-Quran dan As-Sunnah yang menjadi pegangan hidupnya. Perkara tersebut dapat dirujuk melalui pernyataan berikut:

“Saya tidak ragu-ragu untuk menerima tawaran pekerjaan dari universiti ini kerana bukan sahaja ia merupakan satu-satunya universiti antarabangsa di negara ini yang berlantarkanbelakangan pengajian Islam sepenuhnya. Melalui visi universiti ini yang memberi penekanan ke atas empat aspek iaitu Integrasi, Islamisasi, Pengantarabangsaan dan Kecemerlangan adalah selari dengan matlamat peribadi diri saya. Keunikan UIAM dipamerkan melalui penerapan pengajaran dan pendidikan Islam menerusi perspektif agama ini sebagai agama syumul yang memberi manfaat sejagat.” (Responden 4)

Berdasarkan pernyataan yang dikemukakan oleh Responden 4 di atas telah menggambarkan keyakinan beliau terhadap reputasi universiti di negara ini yang meletakkan konsep pendidikan Islam yang berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah sebagai teras visi, misi dan falsafah universiti itu sendiri. Malahan kehadiran ekspatriat Islam ke negara ini telah menyumbang kepada peningkatan tinggi dalam jumlah keseluruhan ekspatriat di universiti awam Malaysia (MOHE, 2019). Kekuatan yang ada pada falsafah universiti berpandukan kepada surah “*Al-Alaqayat*” 1 hingga 5, yang membawa maksud “*ilmu pengetahuan hendaklah disebarikan dalam semangat Tauhid yang membawa kepada pengakuan bahawa Allah itu Esa, Pencipta dan Tuhan sekalian alam*” (Abu Bakar *et al.*, 2008; UIAM, 2020) antara penarik kuat kepada ekspatriat Islam dalam memilih Malaysia.

Peluang Kerjaya di Universiti Islam Bertaraf Antarabangsa

Majoriti responden kajian ini akur dengan hakikat bahawa peluang kerjaya di sebuah universiti Islam bertaraf antarabangsa merupakan peluang yang julung-julung kali boleh diterima dalam

kehidupan ekspatriat Muslim. Peluang keemasan tersebut tidak disia-siakan kerana menyebarkan dakwah Islam melalui bidang pendidikan merupakan keistimewaan yang diberikan hanya kepada golongan pendidik yang berkelayakan bukan sahaja dalam bidang kepakaran masing-masing, malahan lebih ditekankan dengan konsep pengajaran berlandaskan ajaran Al-Quran dan As-Sunnah (Muhammad Safuan *et al.*, 2015; 2016; Irma Wani *et al.*, 2020). Melalui pernyataan yang dikeluarkan oleh Responden 7 membayangkan kesyukurannya terhadap peluang yang diberikan untuk berkhidmat di universiti Islam bertaraf anatarbangsa di Malaysia.

“Saya pasti apa yang mendorong saya untuk bekerja di sini adalah dari kehendak saya untuk mencipta peluang membangunkan kerjaya yang diaduni dengan kepercayaan kepada agama kita sebagai umat Islam. Saya mempunyai kelayakan asas dalam bidang pengajian Islam walaupun pengkhususan bidang phd saya dalam bidang Metafizik Islam. Saya tidak mahu mensia-siakan kelayakan yang saya ada kerana niat saya untuk menyumbang kepada pembangunan umat Islam sejagat. Namun untuk melakukannya di negara saya yang tidak mengamalkan ajaran Islam telah menjadi suatu yang tidak mungkin terjadi. Penghijrahan saya ke sini membuka seluas-luas peluang kepada saya untuk menumbang bakti kepada dunia akademik Islam” (Responden 7)

Berdasarkan daripada kenyataan yang dikongsi oleh Responden 7 kita dapat memahami hasrat yang dizahirkan oleh beliau sebagai satu strategi membangunkan kerjaya yang bersesuaian dengan bidang kepakaran yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat Islam. Tindakan untuk berhijrah ke negara lain adalah berpunya dari dari sistem pendidikan universiti di negara asalnya yang tidak membantu untuk mengutilasikan kepakaran yang dimiliki. Malahan wujudnya amalan diskriminasi warna kulit dan pegangan agama menyukarkan ekspatriat Islam untuk maju ke hadapan. Kekurangan sistem sokongan di negara sendiri telah memangkinkan ekspatriat untuk mencipta peluang kerjaya di luar negara. Peluang yang diperolehi oleh Responden 7 dianggap sebagai “peluang luar jangka” yang membawa keuntungan kepada ekspatriat Islam seperti dirinya (Irma Wani, O., Norazah, M. S., Muhammad Safuan, Y. & Nor Arifah, M.N., 2014; Irma Wani, Nur Hidayah, Bakar & Muhammad Safuan, 2018).

Wacana Rumusan dan Cadangan

Perbincangan dalam makalah ini secara umumnya membicarakan tentang perkaitan pegangan hidup dan wawasan tentang dunia secara keseluruhan (*worldview*) ekspatriasi ahli akademik Islam dalam membina kerjaya di Malaysia. Melalui motif sebenar golongan ekspatriat Islam yang berkhidmat di universiti awam negara ini menjelaskan kepentingan prinsip hidup yang dikaitkan dengan wawasan tentang dunia secara keseluruhan. Prinsip hidup yang dipegang oleh golongan ekspatriat berkenaan merujuk kepada elemen-elemen keagamaan dan kepercayaan kepada nilai-nilai murni dan jati diri yang menjadi panduan kehidupan seharian ekspatriat dan keluarga. Perkara tersebut ditekankan melalui motif falsafah dan hala tuju kehidupan sebagai seorang Muslim yang melihat status Islam dimartabatkan sebagai agama rasmi negara menjadi daya penarik utama majoriti dari responden kajian ini melakukan ekspatriasi ke Malaysia.

Sementara itu, motif keluarga antara tema dominan yang dikeluarkan oleh responden kajian di mana sebahagian besar mengatakan kecenderungan keluarga masing-masing untuk tinggal di negara yang mempunyai majoriti penduduk Islam. Keputusan untuk memilih Malaysia sebagai destinasi penghijrahan mengambil kira pihak signifikan yang paling rapat dalam kehidupan ekspatriat. Dalam konteks keluarga Islam, ibu bapa diumpamakan tunggak pegangan dalam

diri anak-anak dalam mencari keberkatan dalam kehidupan dunia dan akhirat. Institusi kekeluargaan meletakkan restu ibu bapa di tempat yang disanjung, insan yang dikasihi dan dihormati.

Selain itu, antara isu yang diketengahkan adalah motif ekspatriasi ke Malaysia adalah merujuk kepada keperluan pendidikan Islam yang terjamin dan kebajikan masa depan anak-anak yang lebih terpimpin di mana pemilihan destinasi tuan rumah bagi membina kerjayanya adalah berkait rapat dengan kesejahteraan kebajikan anak-anak yang mempunyai kelangsungan dengan pendidikan Islam. Jelas dari sini motif berhubung kekeluargaan menjadi satu prioriti dalam golongan ekspatriat Islam yang mahukan elemen kepercayaan agama disatukan bagi mendapatkan kepuasan kehidupan dan kerjaya mereka.

Tambahan lagi, prinsip dan moral kehidupan ekspatriat Muslim dan pengaruh keluarga dalam memilih destinasi masyarakat negara Islam merupakan intipadi ke atas kedatangan ekspatriat ke Malaysia. Majoriti daripada pengungkapan yang diterima mengaitkan peranan dan pengaruh keluarga dalam menekankan kepentingan berada dalam sebuah negara yang diduduki oleh majoriti masyarakat beragama Islam. Dalam konteks tersebut kebergantungan sokongan dari pasangan hidup sentiasa menjadi keutamaan ekspatriat. Sekiranya pasangan mereka tidak gembira untuk mengiringi ekspatriat ke negara tuan rumah maka isu tersebut berupaya memberi impak yang negatif ke atas keseluruhan proses asimilasi dan kejayaan tugas di luar negara.

Manakala, pemahaman bahawa sokongan pasangan ekspatriat mampu menggubah pencapaian prestasi tugas antarabangsa yang digalas semasa berada di luar negara menjadi motif utama untuk ekspatriat mengambilkira konsensus dari pasangan masing-masing sebelum sebarang keputusan penghijrahan dilakukan. Dalam konteks tersebut, tanggungjawab pasangan ekspatriat lebih meluas kerana terpaksa berhadapan dengan cabaran membina kehidupan menguruskan anak-anak serta keluarga di satu persekitaran asing ketika ekspatriat bekerja. Malahan kejayaan ekspatriat menjalankan tugas banyak dipengaruhi dengan keupayaan isteri dan anak-anak merasa selesa semasa di negara tuan rumah. Pasangan yang ideal merupakan individu yang boleh menjadi sokongan, mempunyai kestabilan emosi, cekap menyesuaikan diri dengan persekitaran baru serta berfikiran terbuka terhadap perubahan hidup yang mereka lalui

Ini berkaitan dengan isu seterusnya iaitu keyakinan ekspatriat terhadap reputasi Malaysia sebagai negara Islam menyebabkan mereka tidak ragu-ragu untuk menerima tawaran bekerja di sini seterusnya membawa bersama keluarga untuk tinggal di Malaysia. Dalam erti kata lain pengurusan dan pengendalian makanan halal di negara ini yang dilakukan dengan telus dan cekap telah memberikan keyakinan yang tinggi kepada ekspatriat Islam dalam memilih Malaysia sebagai destina mereka datang bekerja ke mari. Reaksi kesyukuran mereka kerana berada di sebuah negara yang tidak perlu gusar memikirkan tentang sumber mendapatkan makanan halal di Malaysia memberi indikasi kerajaan Malaysia mempunyai organisasi yang cekap dan tegas bagi memantau pengurusan makanan halal bagi kesejahteraan penggunaan masyarakat Islam.

Seterusnya perbincangan berhubung dengan pembangunan kerjaya ekspatriat beragama Islam dikatakan lebih adil dan saksama di negara yang tidak mengamalkan diskriminasi warna kulit atau agama telah menjadi alasan segelintir dari mereka melakukan penghijrahan ke Malaysia. Selain itu dunia Islam sememangnya kekurangan identiti dan nilai keserjanaan tinggi

dalam menghasilkan karya-karya sumber rujukan kepada bidang ilmu pendidikan Islam. Dari perspektif berkenaan, kelebihan yang diperolehi di Malaysia dihargai sebagai peluang keemasan membangunkan kerjaya sebagai sarjana Islam. Kelebihan berkhidmat di universiti Islam bertaraf antarabangsa juga dianggap sebagai impian menjadi kenyataan dengan kepelbagaian tenaga ekspatriat akademik Islam yang datang dari segala pelusuk dunia. Negara mundur seperti Bangladesh, Myanmar, Indonesia, Pakistan, Pakistan digandingkan dengan sarjana dari negara maju seperti Perancis, Britain dan Amerika Syarikat bagi mendukung falsafah, misi dan visi universiti menerapkan pendidikan Islam yang mengikut ajaran Al-Quran dan As-Sunnah.

Seperkara lagi yang diberikan penekanan dalam perbincangan ini mengaitkan arah aliran pengantarabangsaan sistem pendidikan tinggi di mana berlaku aliran kemasukan ahli akademik Islam yang tinggi di Malaysia menjana manfaat kepada sistem pendidikan negara yang berjaya mengumpulkan kemahiran dan ilmu baru pelbagai spektrum serta menyuburkan rangkaian penyelidikan antarabangsa yang mantap. Keadaan sistem pendidikan tidak progresif menyukarkan ramai ahli akademik Islam daripada melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang pendidik di negara asal mereka. Kekurangan yang mengakibatkan penghijaran sarjana akademik keluar dari masalah sistem pendidikan di negara asal menjadi tren aliran peningkatan bilangan golongan akademik berdikari berusaha mencari peluang untuk meneruskan kerjaya di luar negara seperti di Malaysia.

Secara tuntasnya, jelas memperlihatkan bahawa motif yang dibincangkan berkelanjutan bagi menjelaskan maksud sebenar yang membawa kepada pembuatan keputusan untuk berekspatriasi bagi ekspatriat beragama Islam. Setiap dari motif menpamerkan perkara sebenar yang menggambarkan apa yang dialami oleh responden sewaktu berada di negara asal. Perasaan ketidakpuasan hati, kekecewaan dan keterpaksaan yang dialami di negara asal telah meyakinkan responden yang terlibat di dalam kajian ini mengambil keputusan untuk meninggalkan negara asalnya bagi mendapatkan kehidupan yang lebih baik untuk diri dan keluarga mereka. Hala tujuan kajian ini seterusnya boleh memfokuskan kepada kefahaman secara terperinci berhubung faktor pemangkin kepada pengekalan golongan ekspatriat Islam di Malaysia dan manfaat yang diperolehi oleh sistem pendidikan tinggi negara ini hasil dari sumbangan mereka dalam dunia Islam.

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana geran penyelidikan Kajian Motif Kedatangan Akademik Ekspatriat Islam ke Universiti Awam Malaysia: Signifikasi Pegangan Hidup dan Pegangan Agama, serta Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2111).

Rujukan

- Abdien, M.K. (2019). Impact of Communication Satisfaction and Work-Life Balance on Employee Turnover Intention. *Journal of Tourism Theory and Research*, 5 (2): 228-238.
- Abu Bakar, I., Muda, M. & Alias, M. (2008). *Pembangunan Pengajian Tinggi Islam di Malaysia*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Abu, A.R. (2002). *Negara Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam: Suatu Analisis*. Universiti Malaya.

- Andres, M., Moelker, R. & Soeters, J. (2012). The Work–Family Interface and Turnover Intentions over the Course of Project-Oriented Assignments Abroad. *International Journal of Project Management*, 30, 752-759.
- Babbie E. (2017). The basics of social research (7th Ed.). Boston, MA: Cengage Learning.
- Bari, A.A. (2005). Islam dalam Perlembagaan Malaysia. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.
- Cao, L., Hirschi, A. & Deller, J. (2012). Self-Initiated Expatriates and Their Career Success. *Journal of Management Development*, 31(2), 159-172.
- Chang, W.W, Yuan, Y.H. & Chuang, Y.T. (2013). The Relationship Between International Experience and Cross-Cultural Adaptability. *International Journal of Intercultural Relations*. 37, 268-273.
- Creswell, J.W. (2014). Research design: *Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Sage, Oaks.
- Dickmann, M. & Mills, T. (2010). The Importance of Intelligent Career and Location Considerations Exploring The Decision To Go To London. *Personnel Review*, 39(1), 116-134.
- De Sivatte, I., Bullinger, B., Cañamero, M., & Gomez, M.D.P.M. (2019). Children of expatriates: key factors affecting their adjustment. *Journal of Global Mobility: The Home of Expatriate Management Research*.
- Don, A.G, Abdullah, B. & A.B. Ghani, Z. (2010). *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia: Konsep dan Perlaksanaannya*. Bangi: UKM.
- Eriksson, P. & Kovalainen, A. (2016). *Qualitative Methods in Business Research*. 2nd ed. London, Thousand Oaks, New Delhi and Singapore: Sage.
- Froese, F.J and Peltokorpi, V. (2011). Cultural Distance and Expatriate Job Satisfaction. *International Journal of Intercultural Relations*, 35, 49-60.
- Greenhaus, J.H. & Powell, G.N. (2012). The Family-Relatedness of Work Decisions A Framework and Agenda for Theory and Research. *Journal of Vocational Behavior*, 80,246-255.
- Hasbullah, A., Irma Wani, O., Norazah, M. S., Muhammad Safuan, Y., and Herlina, J. (2018). Financial Factor as the Catalyst in Choosing Destination to Further Studies Abroad for International Students. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 12(2018):111-118.
- Hasbullah, A., Irma Wani, O., Norazah, M. S., Muhammad Safuan, Y., and Herlina, J. (2018). Financial Factor as the Catalyst in Choosing Destination to Further Studies Abroad for International Students. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 12(2018):111-118.
- Herlina, J., Irma Wani, O., Norazah, M. S., Muhammad Safuan, Y., and Hasbullah, A. (2018). International Student Destination Choice: Institutional Influence. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 12(2018):139-147.
- IKIM. (2005). *Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Irma Wani Othman, Muhammad Safuan Yusoff, Mohd Sohaimi Esa, Mohd Azri Ibrahim & Budi Anto Mohd Tamring, Mohd Kamal Mohd Shah. (2020). The Relevancy of Self Development and Academic Expatriates' Career in Public Universities of Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*. 5 (37): 253-269.
- Irma Wani, Othman. (2019). Identiti Budaya dan Semangat Patriotisma Negara Asal dalam Pengekalan Akademik Eskpatriat di Universiti Awam Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(17): 144-158.
- Irma Wani, Othman. (2019). Kemahiran Penggunaan Bahasa Sebagai Skil Universal dalam Improvasi Keyakinan dan Keterampilan Jati Diri Akademik Ekspatriat di

- Universiti Awam Malaysia. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(10): 91-106.
- Irma Wani, Othman. (2019). Signifikasi Struktur Sosial Keluarga dan Hubungan Persahabatan dalam Mempengaruhi Pengalaman Ekspatriasi Ahli Akademik Universiti Awam Malaysia. *International Journal of Politics, Public Policy and Social Work*, 1(3): 14-31.
- Irma Wani, O., Nur Hidayah Iwani, M. K., Bakar, A. H. & Muhammad Safuan, Y. (2018). The Internationalization of Malaysian Public Higher Education Institution: A Study of Academic Expatriate Experiences. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 12(2018):129-138.
- Irma Wani, O., Mohd Kamal, M. S., Muhammad Safuan, Y., Norazah, M. S., Hasbullah, A. & Herlina, J. (2017). Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi: Amalan dan Cabaran. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 11(2017): 98-108.
- Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., Hasbullah, A. & Herlina, J. (2016). Mengantarabangsakan Pendidikan Tinggi: Universiti Dan Kewarganegaraan Global. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*. 3(5):107-118.
- Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., Hasbullah, A. & Herlina, J. (2016). Dinamisme Pendidikan Tinggi: Pembinaan Modal Insan Antarabangsa. *Journal of Education and Social Sciences*. 5(2):339-345.
- Irma Wani, O., Norazah, M. S., Muhammad Safuan, Y. & Nor Arifah, M.N. (2014). Memanfaat Pengalaman Akademik Ekspatriat: Dasar dan Polisi Pengantarabangsaan Universiti Malaysia Sabah. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 8(2014): 58-72.
- Irma Wani, Othman. (2014). *Pengalaman Ahli Akademik Ekspatriat di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia*. Universiti Malaysia Sabah. PhD Thesis.
- Irma Wani, Othman, Norazah, M.S. & Muhammad Safuan, Y. (2012). Kajian Eksploratif Pengalaman Kerjaya Antarabangsa Ekspatriat Akademik di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 6(2012): 45-63
- Itani, S. Jarlstro, M. & Piekkari, R. (2015). The Meaning of Language Skills for Career Mobility in The New Career Landscape. *Journal of World Business*: 368-378.
- Jiang, N. & Vcarpenter, V. (2013). A Case Study of Issues Strategy Implementation in Internationalization of Higher Education. *International Journal of Educational Management*, 27(1), 4-18.
- Majid Wahid Shaikh & Kamarul Zaman bin Ahmad. (2018). Factors Affecting Happiness of Expatriate Academicians and Expatriate Non-Academicians in Dubai. *International Review of Advances in Business Management and Law IRAMBL*, 1 (1): 1-12.
- Mayrhofer, W., Pernkopf, K., & Reiss, L. (2020). The Meaning of Families and Their Impact on the Expatriation and Repatriation Experiences of Self-Initiated Expatriates. *Self-Initiated Expatriates in Context: Recognizing Space, Time, and Institutions*, 12 (18).
- Mansor, F. (2010). *Potensi Industri Halal Global*. Dewan Ekonomi, 13-16.
- Makela, L, Kansala, M. & Suutari, V. (2011). The Roles of Expatriates Spouses Among Dual Career Couples. *Cross Cultural Management: An International Journal*, 18(2), 185-197.
- Mat Nor, N. (2003). *Status Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam: Kajian Perbandingan Dengan Konsep Negara Islam Menurut Siasah Syar'iyah*. Universiti Malaya.
- Muhammad Safuan, Y., Nur Hidayah Iwani, M.K., Irma Wani, O. & Abu Bakar, A.H. (2018). Pengaruh Keluarga dalam Memperkasa Keputusan Ekspatriasi Akademik Ekspatriat Berdikari di Universiti Awam Malaysia. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 12(2018):158-168.

- Muhammad Safuan, Y., Irma Wani, O., Norazah, M. S., Hasbullah, A. Herlina, J. & Rudy Adie, R. (2017). Persekitaran Politik Sebagai Motif Ekspatriasi Akademik Ekspatriat Berdikari di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 11(2017):59-67.
- Muhammad Safuan, Y., Irma Wani, O., Rudie Adie, R. & Norazah, M.S. (2016). Masa Depan Kerjaya, Perhubungan Kekeluargaan dan Pegangan Hidup Sebagai Motif Ekspatriasi Akademik Ekspatriat di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 10(2016):101-114.
- Muhammad Safuan, Y., Irma Wani, O., Norazah, M.S. & Rudie Adie, R. (2015). Kerjaya dan Ekonomi Sebagai Motif Ekspatriasi Ekspatriat Akademik di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *Labuan e-Journal of Muamalat And Society*. 9(2015): 36-47.
- Muhammad, Z. (1980). *Pegangan Hidup Umat Islam*. Kota Bharu: Dewan Pemuda Pas.
- Ministry of Education (MOE). (2019). Statistik Perangkaan Ekspatriat Akademik di Malaysia 2011-2017. Diakses pada 10 Mac 2021, dari <http://moe.gov.my/muat-turun/awam/statistik/2017>.
- Nekman, N. A. (2007). *Strategi Pemasaran Hab Halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)*. Universiti Malaya.
- Norazah, M. S., Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., dan Norbayah, M. S. (2014). Budaya dan Pengembaraan Sebagai Pendorong Pemilihan Kerjaya di Universiti Malaysia Sabah. *Labuan e-Journal of Muamalat And Society*. 8(2014): 73-86.
- Richardson, J. (2006). Self-Directed Expatriation: Family Matters. *Personnel Review*, 35(4), 469-486.
- Schoepp, K. and Forstenlechner, I. 2010. The Role of Family Considerations in An Expatriate Majority Environment. *Team Performance Management*, 16(5/6), 309-323.
- Rudy Adie, R., Irma Wani, O., Norazah, M.S., Hasbullah, A., Herlina, J. & Muhammad Safuan, Y. (2017). Pengaruh Keluarga Terhadap Penyesuaian Persekitaran Kerjaya Ekspatriat Akademik Antarabangsa: Kajian Kes Universiti Malaysia Sabah. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 11(2017): 68-76.
- Rudie Adie, R., Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y. & Norazah, M. S. (2016). Pendorong Dominan dan Sub Dominan Kejayaan Kerjaya Ekspatriat Akademik Di Universiti Malaysia Sabah. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 10 (2016): 77-85.
- Simons, H. (2009). *Case Study Research in Practice*. Los Angeles: Sage Publication Ltd.
- Stoermer, S., Luring, J. & Selmer, J. (2020). Job Characteristics and Perceived Cultural Novelty: Exploring the Consequences for Expatriate Academics' Job Satisfaction. *The International Journal of Human Resource Management*, 1-27.
- Tantawi, M. S. (1999). *Islam itu Mudah dan Sederhana*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). <http://www.iium.edu.my/>. Diekses: 10 Januari 2021.
- Utami, W., Tobing, D.S.K., Paramu, H. & Slamini. (2019). Expatriate Career Development: Self Efficacy, Multicultural Personality, Collective Efficacy and Individual Expatriate Performance. *International Journal of Trade and Global Markets*, 12(2), 187-198.
- Wan Daud, W. M.N. (2002). Malaysia sebuah Negara Islam: Pencapaian dan Cabaran. *Seminar Memahami Malaysia sebagai Sebuah Negara Islam*, 8(17).
- Yin, R.K. (2009). *Case study Research: Design and Methods 4th Edition*. Thousand Oaks. C A. Sage.